# PENGURUSAN PERSARAAN DI MALAYSIA

Bahagian Pasca Perkhidmatan Cawangan Sarawak

Sila Klik dan LIKE/ FOLLOW page FB kami dan layari MyPortalPencen sekarang!!

http://www.jpapencen.gov.my | BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN | Bahagian Pasca Perkhidmatan

# PENGENALAN

## BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN

# BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN

## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

### VISI

Mencapai kecemerlangan dalam pengurusan persaraan dan faedah persaraan sektor awam ke arah bertaraf dunia.

### MISI

Memastikan kepentingan kerajaan dan kebajikan pesara terpelihara melalui penggubalan dan pelaksanaan dasar dan faedah persaraan yang bersesuaian

### OBJEKTIF

Membayar faedah persaraan dengan tepat mengikut jadual masa yang ditetapkan kepada pihak yang layak menerimanya di bawah undang-undang pencen

# BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN

## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

1. Mengubal dan melaksanakan dasar-dasar pencen
2. Meluluskan permohonan persaraan
3. Meluluskan faedah persaraan /faedah tamat perkhidmatan bagi anggota Perkhidmatan Awm, Pekerja Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan, Hakim, Ahli Parlimen/Angota Pentadbiran dam Setiausaha Politik berpandukan undang-undang/peraturan-peraturan yang berkuatkuasa
4. Meluluskan permohonan percantuman perkhidmatan yang lepas

# BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN

## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

**5**

Meluluskan permohonan pemberian taraf berpencen

(bagi Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan)

**6**

Menguruskan penyelarasan pencen bagi Ahli Parlimen/Anggota Pentadbiran, Setiausaha Politik, Hakim, Pencen Terbitan, Persaraan atas Sebab Penswastaan Agensi Kerajaan

**7**

Menguruskan pembangunan sumber manusia dan pentadbiran kewangan Bahagian Pasca Perkhidmatan

**8**

Mencetak dan mengeluarkan kad persara

# Pengambilalihan sebahagian fungsi operasi Bahagian Pasca Perkhidmatan oleh KWAP

Pada mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Transformasi Perkhidmatan Awam (JKTPA) pada **15 April 2014**, YAB Perdana Menteri dimaklumkan mengenai cadangan ini

Ia adalah sebahagian daripada program transformasi JPA dan Kementerian Kewangan lanjutan daripada perakuan Jawatankuasa PEMANDU Liabiliti Pencen Sektor Awam Kementerian Kewangan berikutan Kajian Dana Pencen Sektor Awam 2012

Tarikh kuat kuasa pelaksanaan pengambilalihan ini adalah mulai 1 NOVEMBER 2015

KWAP

Selaras dengan Program Transformasi Kerajaan yang dilaksanakan kerajaan, KWAP telah dipertanggungjawab untuk mengambilalih fungsi prosesan dan pembayaran faedah persaraan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) *

* Sebahagian fungsi masih dilaksanakan di BP Sabah dan Sarawak

# BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN

## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

**01**



Jabatan Perkhidmatan Awam,
Bahagian Pasca Perkhidmatan,
Aras 5, Blok C2, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62510 Putrajaya, Malaysia
Tel: 03-88878777

**02**



Kumpulan Wang Persaraan
(Diperbadankan)
Jabatan Perkhidmatan Persaraan,
Aras 2, Skytech Tower 2,
MKN Embassy Techzone,
Jalan Teknokrat 2, Cyber 4,
63000 Cyberjaya, Selangor
Tel: 03-88878700/ 03-88878777

**03**



Jabatan Perkhidmatan Awam,
Bahagian Pasca Perkhidmatan
Cawangan Sarawak,
Aras 2, Bangunan Marzuki, Lot 1656
Seksyen 65,
Jalan Tun Dato' Patinggi Hj. Abdul
Rahman Yaakub, Petrajaya,
93050 Kuching, Sarawak.
Tel: 082-241144/082-251818/
082-234981

**04**



Jabatan Perkhidmatan Awam,
Bahagian Pasca Perkhidmatan
Cawangan Sabah,
Aras 1, Blok A,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan Sabah,
Jalan UMS - Sulaman, Likas
Peti Surat No 2061
88450 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-488661/ 088-488662/
088-488663

# SKOP TAKLIMAT

OVERVIEW SKIM PENCEN

JENIS-JENIS PERSARAAN

FAEDAH PERSARAAN

FAQs

# PENGENALAN



Perkhidmatan Awam Persekutuan, Negeri serta Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan



Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen



Setiausaha Poliitik



Hakim



Pegawai Tauliah Tetap, Tauliah Jangka Pendek dan Askar-Laskar Angkatan Tetap Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

**SKIM PENCEN SEKTOR AWAM DI MALAYSIA**

# PENGENALAN



**Pengiktirafan dan penghargaan** ke atas perkhidmatan cemerlang sesorang anggota sektor awam

**Saraan hidup kepada orang-orang tanggungan** anggota sektor awam yang telah meninggal dunia

**Pemberian tambahan** untuk anggota yang dikehendaki bersara akibat mengalami kecederaan atau menghidap penyakit ketika menjalankan tugas-tugas rasmi atau meninggal dunia

**Jaminan saraan hidup** kepada anggota sektor awam setelah mereka bersara dari perkhidmatan kerajaan

**Ikatan ke atas anggota sektor awam** agar mereka terus berkhidmat dengan kerajaan

# PENGENALAN

## UNDANG-UNDANG BERKAITAN




**Akta Pencen 1980 (Akta 227)**
Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Awam Negeri

**Peraturan-Peraturan Pencen 1980**
Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Awam Negeri

**Akta Penyelarasan Pencen 1980 (Akta 238)**

**Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239)**
Pegawai Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (termasuk badan berkanun yang diasingkan)

**Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990**
Pekerja Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (termasuk badan berkanun yang diasingkan)

- Akta Angkatan Tentera 1972 (Akta 77)
- Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 (Akta 237)
- Akta Saraan Hakim 1971 (Akta 45)

# KELAYAKAN MENDAPAT FAEDAH PERSARAAN

1. **Seseorang anggota berpencen yang bersara atau dibersarakan dari jawatan**
2. **Kelayakan bagi mendapat faedah terbitan bagi kes kematian dalam perkhidmatan pula ialah sekurang-kurangnya telah disahkan dalam perkhidmatan**

**SIAPA ANGGOTA BERPENCEN ?**

1. Pegawai tetap
2. Disahkan dalam jawatan
3. Genap tempoh selama tidak kurang daripada 3 tahun perkhidmatan yang boleh dimasuk kira
4. Tidak memilih KWSP

# HILANG KELAYAKAN PENCEN



# HAK PENCEN
## (Seksyen 3(1), Akta 227 atau Akta 239)

**Faedah persaraan bukan merupakan hak mutlak** seseorang anggota. Tiada anggota pun boleh mempunyai hak mutlak untuk mendapatkan pampasan bagi perkhidmatan yang lepas atau untuk mendapat apa-apa pencen, ganjaran atau lain-lain faedah di bawah Akta Pencen.

# UMUR PERSARAAN NEGARA LUAR

## Negara-Negara Maju

| BIL. | NEGARA | UMUR BERSARA WAJIB | |
|---|---|---|---|
| | | LELAKI | WANITA |
| 1. | Kanada | 65 | 65 |
| 2. | Jepun | 65 | 65 |
| 3. | Perancis | 61.6 | 61.6 |
| 4. | Jerman | 65 | 65 |
| 5. | Itali | 66.6 | 65.6 |
| 6. | United Kingdom | 65 | 63 |
| 7. | Amerika Syarikat | 66 | 66 |
| 8. | Australia | 65 | 65 |
| 9. | New Zealand | 65 | 65 |
| 10. | Iceland | 67 | 67 |

## Negara-Negara ASEAN

| BIL. | NEGARA | UMUR BERSARA WAJIB | |
|---|---|---|---|
| | | LELAKI | WANITA |
| 1. | Indonesia | 58 | 58 |
| 2. | Thailand | 60 | 60 |
| 3. | Singapura | 62-65 | 62-65 |
| 4. | Filipina | 60 | 60 |
| 5. | Vietnam | 60 | 55 |
| 6. | Myanmar | 60 | 60 |
| 7. | Kemboja | 55 | 55 |
| 8. | Laos | 60 | 60 |
| 9. | Brunei | 60 | 60 |

Sumber: *Pension at a Glance 2017, OECD and G20 Indicators*



# JENIS-JENIS PERSARAAN

# PERSARAAN PAKSA

## 1 Persaraan Kerana Mencapai Umur 55/56/58/60

Pada hari seseorang anggota mencapai umur 55/56/58/60 tahun mengikut opsyen umur bersara yang dipilih.

**Seksyen 10(1) Akta 227/Akta 239**

## 2 Persaraan Atas Sebab Kesihatan

Anggota yang kesihatannya tidak memuaskan boleh dibersarakan atas sebab kesihatan. Keadaan di mana pegawai itu boleh dibersarakan adalah seperti Perintah Am Bab "F" (1974).

**Seksyen 10(5) (a) Akta 227/Akta 239**

## 3 Persaraan Atas Sebab Penghapusan Jawatan

Anggota di mana jawatan yang disandangnnya dihapuskan boleh dibersarakan dari perkhidmatan dan terus dibayar faedah persaraan.

**Seksyen 10(5) (b) Akta 227/Akta 239**

## 4 Persaraan Atas Sebab Penyusunan Semula Organisasi

Anggota di mana penyusunan semula organisasi bagi maksud menghasilkan lebih kecekapan dan terus dibayar faedah persaraan.

**Seksyen 10(5) (c) Akta 227/Akta 239**

# PERSARAAN PAKSA

**5**

## Persaraan Atas Sebab Pekerjaan Anggota Telah Ditamatkan Demi Kepentingan Awam

Persaraan ini adalah bagi kes-kes di mana sesorang anggota telah ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam.

Seksyen 10(1) (d) Akta 227/Akta 239

**6**

## Persaraan Kerana Memperoleh Kewarganegaraan Asing / Dilucutkan Kewarganegaraan Malaysia

Anggota yang dibersarakan atas sebab ini tidak akan dibayar faedah persaraan mengikut Seksyen 21A Akta 227 dan Seksyen 23A Akta 239.

Seksyen 10(5) (e) Akta 227/Akta 239

**7**

## Persaraan Atas Sebab Memberi Maklumat Palsu Bagi Maksud Pelantikan Anggota ke Dalam Perkhidmatan Kerajaan

Anggota yang dilantik pada/selepas 12.4.1991 boleh dibersarakan jika terbukti mereka memberi maklumat lisan/bertulis/ bersumpah/dokumen secara palsu, silap, tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan bagi maksud pelantikan ke dalam perkhidmatan awam.

Seksyen 10(5) (f) Akta 227/Akta 239

# PERSARAAN ATAS KEHENDAK KERAJAAN

**8**

## Persaraan Atas Kepentingan Negara

Yang di-Pertuan Agong boleh mengkehendaki sesorang anggota supaya bersara kepentingan Negara pada mana-mana peringkat umur.

Seksyen 11(a)(i) dan (b)(i) Akta 227 & Seksyen 11(a) Akta 239

**9**

## Persaraan Demi Kepentingan Perkhidmatan Awam / Perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun /Pihak Berkuasa Tempatan

Yang di-Pertuan Agong boleh mengkehendaki sesorang anggota supaya bersara atas kepentingan Perkhidmatan Awam/ Perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan pada mana-mana umur.

Seksyen 11(a)(ii) dan (b)(ii) Akta 227 & Seksyen 11(b) Akta 239

# PERSARAAN PILIHAN

10

## Persaraan Pilihan

Seseorang anggota berpencen boleh mengemukakan permohonan persaraan pilihan apabila atau selepas mencapai umur 40 tahun. Bagi maksud pemberian faedah persaraan, anggota telah berkhidmat sekurang-kurangnya 10 tahun perkhidmatan yang boleh dimasuk kira.

Seksyen 12 (1) Akta 227/Akta 239

# PERSARAAN KERANA PENSWASTAAN

11

## Persaraan Setelah Dilantik Untuk Berkhidmat Dalam Pertubuhan

Sesorang anggota yang berumur kurang daripada 45 tahun bagi perempuan atau 50 tahun bagi lelaki yang dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan.

Seksyen 112A Akta 227/Seksyen 13 Akta 239

# 1 PERSARAAN WAJIB MENCAPAI UMUR 55/56/58/60

**1 Oktober 2001**

Umur persaraan wajib dinaikkan daripada 55 tahun kepada 56 tahun

**1 Julai 2008**

Umur persaraan wajib dilanjutkan daripada 56 tahun kepada 58 tahun

**1 Januari 2012**

Umur persaraan wajib dinaikkan daripada 58 tahun kepada 60 tahun

## KES MAHKAMAH / TINDAKAN TATATERTIB

Jika ada kes Mahkamah atau tindakan tatatertib yang masih belum selesai ketika mencapai umur 55/56/58/60 tahun

…yang mungkin berkeputusan pegawai itu disabitkan atau dibuang kerja; (perkhidmatan pegawai itu dianggap sebagai dilanjutkan atas cuti tanpa gaji)

Jika Pihak Mahkamah atau Lembaga Tatatertib berkeputusan pegawai itu tidak disabitkan atau dibuang kerja, maka ia hendaklah bersara pada umur 55/56/58/60 tahun dan dibayar faedah persaraan dengan menolak tempoh cuti tanpa gaji itu.

# 2 PERSARAAN ATAS SEBAB KESIHATAN



1 **Telah disahkan dalam jawatan**

2 **Diputuskan oleh Lembaga Perubatan**

**Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1995**

## Keadaan yang boleh dihadapkan ke Lembaga Perubatan (PA Bab F-19 (1974) & PP Bil.10/1995

1. • Cuti sakit tahunan telah habis dan masih tidak sihat
2. • Kesiuman otak dan kesihatan tubuh badan diragui
3. • Pegawai perubatan berpendapat tidak ada harapan sembuh
4. • Pegawai perubatan mengesahkan sakit tibi, kusta atau barah
5. • Mengambil cuti 45 hari setahun, 3 tahun berturut-turut
6. • Tercedera semasa bertugas dan bukan dengan kecuaiannya

# 10 PERSARAAN PILIHAN

ingin bersara awal?



**Permohonan melalui Ketua Jabatan dengan syarat**

- **Umur 40 tahun ke atas;**
- **Tempoh perkhidmatan lebihi 10 tahun yang boleh dimasukira**

## Lantikan sebelum 12.4.1991

| Jantina Pegawai | Umur layak pencen dibayar |
|---|---|
| Pegawai Perempuan | **45 tahun** |
| Pegawai bomba berpangkat rendah & ke bawah | |
| Pegawai polis berpangkat rendah dari ASP | |
| Pegawai penjara berpangkat rendah dari Penguasa | |
| Jururawat lelaki di hospital mental | |
| Pegawai Lelaki | **50 tahun** |

## Lantikan selepas 12.4.1991

**Dibayar pencen pada umur 55 tahun**

# 10 PERSARAAN PILIHAN

TAHUKAH ?

Permohonan dikemukakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh bersara

## DOKUMEN DIPERLUKAN

| | |
|---|---|
| a. | Borang JPA.BP.SPPP.B01a - Maklumat Pesara |
| b. | Borang JPA.BP.SPPP.B03 - Maklumat Tanggungan |
| c. | Borang JPA.BP.SPPP.B04 - Notis Pelepasan / Pengasingan Caruman Kerajaan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Untuk Tujuan Pengiraan Faedah Persaraan |
| d. | Borang JPA.BP.UMUM.B01 - Sijil Akuan Berhutang / Tidak Berhutang |
| e. | Borang JPA.BP.UMUM.B02- Pengiraan Cuti Rehat Yang Boleh Dikumpulkan Di Bawah Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Pencen 1980 (bagi pegawai perkhidmatan awam sahaja) |
| f. | Borang JPA.BP.UMUM.B04 - Laporan Pengesahan Pakar Perubatan Mengenai anak Cacat Otak / Cacat Anggota (jika berkenaan) |

| | |
|---|---|
| g. | Salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti |
| h. | Salinan Sijil Nikah; sekiranya tiada, Surat Akuan Sumpah |
| i. | Salinan Kad Pengenalan anggota dan suami / isteri |
| j. | Salinan Sijil Kelahiran anak-anak di bawah umur 21 tahun dan tiada had umur bagi anak cacat |
| k. | Salinan dokumen bank yang menunjukkan nama, nombor Kad Pengenalan dan nombor akaun bank |
| l. | Surat permohonan persaraan pilihan oleh daripada pegawai anggota ( bagi pegawai perkhidmatan awam Persekutuan atau pekerja Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan sahaja) |
| m. | Surat kelulusan persaraan pilihan (bagi pegawai perkhidmatan awam Negeri sahaja) |

# 10 PERSARAAN PILIHAN

TAHUKAH ?

| ASAS PERTIMBANGAN | KELULUSAN |
| --- | --- |
| • permohonan dipertimbangkan jika ada sokongan Ketua Jabatan.<br>• Untuk jawatan kritikal- Ketua Jabatan hendaklah membuat perakuan persaraan tersebut tidak akan menjejaskan perjalanan perkhidmatan awam | • Oleh sebab ianya satu kemudahan, kelulusan boleh ditarik balik sebelum tarikh berkuatkuasa tanpa sebarang sebab.<br>• Sekiranya kelulusan belum diperolehi, jangan tinggalkan perkhidmatan sebelum kelulusan.<br>• Sekiranya anggota meninggalkan perkhimatan tanpa sebarang cuti maka tindakan tatatertib boleh diambil. |




Jangan pilih 1 Januari

Jangan saja-saja pilih tarikh lahir atau sebarang tarikh

Jangan pilih tarikh sebelum bulan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)

Mulai tahun 2015, melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2015, semua anggota sektor awam yang bersara wajib (mencapai umur persaraan paksa), sekiranya mereka bersara dalam keadaan belum mencapai tarikh 'Pergerakan Gaji Tahunan' (PGT), maka mereka tetap akan diberikan kenaikan gaji tahunan tersebut, dengan tarikhnya diawalkan kepada sehari sebelum bersara wajib, kecuali mereka yang dilahirkan pada 1 Januari (kerana hari terakhir mereka berkhidmat ialah pada 31 Disember).



# FAEDAH PERSARAAN

# KELAYAKAN
## MENDAPAT FAEDAH PERSARAAN

- Seseorang anggota berpencen yang **bersara atau dibersarakan dari jawatan** (bukan meletak jawatan atau dibuang kerja).

- Kelayakan bagi mendapat faedah terbitan bagi kes kematian dalam perkhidmatan pula ialah anggota meninggal dunia, sekurang-kurangnya **telah disahkan dalam perkhidmatan**.

**seorang pegawai tetap**

**telah disahkan dalam jawatan**

**tidak memilih skim KWSP**

**genap tempoh selama tidak kurang daripada 3 tahun perkhidmatan yang boleh dimasuk kira**

# FAEDAH PERSARAAN

**Ganjaran**
Dibayar sekaligus

**Pencen Bulanan**
Dibayar bulanan

**Gantian Cuti rehat**
Dibayar sekaligus (jika ada)

**Perubatan & Lain-lain**
Kemudahan perubatan, kad pesara

# FORMULA PENGIRAAN FAEDAH PERSARAAN



**A** Pengiraan Ganjaran

**B** Pengiran Pencen Bulanan

**C** Pengiraan Gantian Cuti Rehat

# PENGIRAAN GANJARAN (sekaligus)

**7.5% x Bulan Perkhidmatan x Gaji Akhir**

## Contoh Pembantu Tadbir (P/O) N26

| | |
|---|---|
| Tempoh perkhidmatan | • 478 bulan (39 tahun 10 bulan) |
| Gaji Akhir | • RM 4,686.99 sebulan |
| Ganjaran | • 7.5% x 478 x RM4,686.99 = RM168,028.59 sekaligus |

# PENGIRAAN PENCEN (bulanan)

**1/600 x Bulan Perkhidmatan x Gaji Akhir**
(terhad kepada maksimum 360 bulan perkhidmatan)

## Contoh Pembantu Tadbir (P/O) N26

| | |
|---|---|
| Tempoh perkhidmatan | • 300 bulan (25 tahun) |
| Gaji Akhir | • RM 4,686.99 sebulan |
| Pencen | • 1/600 x 300 x RM4,686.99 = RM2,343.50 sebulan |

# PENGIRAAN PENCEN (bulanan)

1/600 x Bulan Perkhidmatan x Gaji Akhir

((Jika lebih dari 360 bulan, formula pengiraan adalah 3/5 x Gaji Akhir)

## Contoh Pembantu Tadbir (P/O) N26

| | |
|---|---|
| Tempoh perkhidmatan | • 478 bulan (39 tahun 10 bulan) |
| Gaji Akhir | • RM 4,686.99 sebulan |
| Pencen | • 1/600 x 478 x RM4,686.99 = RM3,733.96 sebulan<br>Tetapi terhad kepada 3/5 x RM4,686.99 = RM2,812.19 sebulan |

Beza RM921.77

# PENGIRAAN GCR (sekaligus)

$\frac{1}{30}$ x Cuti Rehat Terkumpul (hari) x [ Gaji Akhir + *Imbuhan Tetap ]

## Contoh Pembantu Tadbir (P/O) N26

| | |
|---|---|
| Cuti Rehat yang dikumpul | • 150 hari |
| Gaji Akhir + Imbuhan Tetap | • RM 4,686.99 + RM 300.00 + RM 140.00 = RM5,126.99 |
| Award Wang Tunai | • 1/30 x 150 xRM5,126.99= RM25,634.95 sekaligus |

# TAFSIRAN IMBUHAN




Seperti yang dinyatakan dalam Perenggan ‘A’, Lampiran C6 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002

# PENCEN YANG DIBAYAR KEPADA PESARA KERAJAAN MERUPAKAN PENCEN PEKERJAAN (*OCCUPATIONAL PENSION*)




**PENENTUAN GAJI HAKIKI**

1. Gaji hakiki bulanan yang **terakhir diterima, termasuk elaun berpencen -** Seksyen 2 Akta 227/ Akta 239
2. Bagi pegawai yang bersara sebelum disahkan dalam jawatan terakhirnya**, gaji akhir yang digunapakai ialah dalam jawatan terdahulu dalam mana ia telah disahkan -** Seksyen 6(2) Akta 227 atau Seksyen 5(2) Akta 239

TAHUKAH ?

# AMAUN PENCEN TERENDAH

**Mulai 1.1.2018:**
**RM1,000**
**Sebelum itu : RM950**

1. Untuk tempoh perkhidmatan yang lebih dari 25 tahun (300 bulan)
2. Dasar ini turut terpakai kepada pegawai yang bersara akibat daripada penswastaan

# TAHUKAH ?

| 1 | 2 | 3 |
| --- | --- | --- |
| Bersara atas sebab kesihatan (ASK) | Bersara atas sebab Penswastaan Agensi Kerajaan | Pegawai berpencen yang meninggal dunia dalam perkhidmatan yang kurang dari 120 bulan atau 10 tahun |

**1/5 dari gaji akhir**

# PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2021

## PENAMBAHBAIKAN FAEDAH PERSARAAN ATAS SEBAB KESIHATAN

- kuat kuasa mulai 1 Januari 2018

| Kategori | Tempoh Perkhidmatan Sebenar (TPS) | Tempoh Perkhidmatan Secara Isyarat | |
|---|---|---|---|
| | | Pencen | Ganjaran |
| 1 | 119 bulan dan kurang | 240 bulan | TPS + 120 bulan |
| 2 | 120 - 240 bulan | TPS + 120 bulan | TPS + 120 bulan |
| 3 | 241 - 359 bulan | 360 bulan | 360 bulan |
| 4 | 360 bulan dan lebih | 360 bulan | TPS |

# Contoh 1

135 bulan
Kategori 2

| Kategori | Tempoh Perkhidmatan Sebenar (TPS) | Tempoh Perkhidmatan Secara Isyarat | |
|---|---|---|---|
| | | Pencen | Ganjaran |
| 1 | 119 bulan dan kurang | 240 bulan | TPS + 120 bulan |
| 2 | 120 - 240 bulan | TPS + 120 bulan | TPS + 120 bulan |
| 3 | 241 - 359 bulan | 360 bulan | 360 bulan |
| 4 | 360 bulan dan lebih | 360 bulan | TPS |

- **Gaji Akhir (GA) RM3,290.93**
- **TP Sebenar (TPS) 135 bulan**

**Pencen sedia ada**

| Pencen | Ganjaran |
|---|---|
| 1/600 x RM3,290.93 x 135 bulan= **RM740.45** | 7.5% x RM3,290.93 x 135 bulan= **RM33,320.66** |

**Pencen Baharu**

| Tempoh Perkhidmatan Secara Isyarat | |
|---|---|
| Pencen | Ganjaran |
| 135+120= 255 bulan | 135+120= 155 bulan |
| 1/600 x RM3,290.93 x **255 bulan**= **RM1,398.65** | 7.5% x RM3,290.93 **x 255 bulan = RM62,939.04** |

# PENARIKAN BALIK, PENAHANAN & PENGURANGAN PENCEN

Pemberian pencen dan ganjaran boleh **ditarik balik, ditahan** atau **dikurangkan** jika didapati pemberian itu adalah akibat daripada tidak mengetahui fakta-fakta matan yang sengaja disembunyikan yang boleh menyebabkan anggota itu **dibuang kerja**

PEMOTONGAN FAEDAH PERSARAAN



1. Menjelaskan hutang Kerajaan
2. Tuntutan nafkah atas perintah Mahkamah

# PEMBERHENTIAN PENCEN

Dihentikan serta- merta jika:

1. **Dihukum Penjara/Mati –**
   Elaun Tanggungan boleh dipertimbangkan

2. **Memperolehi Kewarganegaraan lain -**
   (berkuatkuasa ke atas anggota yang dilantik pada/selepas 16.5.1986)

# PENGGANTUNGAN PENCEN

Pembayaran pencen boleh digantung selama tempoh pesara dilantik semula sebagai pegawai tetap dalam perkhidmatan awam

**Seksyen 23, Akta 227**
**Seksyen 26, Akta 239**

# BAYARAN GANJARAN, PENCEN & GCR TERTAKLUK KEPADA POTONGAN BERIKUT











# PENCUKAIAN




**1**

Bayaran Ganjaran Dan Gantian Cuti Rehat (GCR) Tidak Dikenakan Cukai Pendapatan

**2**

Pencen yang dibayar kepada anggota yang bersara wajib pada umur 55/56/58/60 tahun dikecualikan daripada cukai pendapatan

**3**

Manakala bayaran pencen yang diterima oleh pesara sebelum mencapai umur 55 tahun dikenakan cukai pendapatan

TAHUKAH ?

**Pesara Atau Penerima Pencen Layak Menerima Penyelarasan Pencen Sebanyak 2% Setiap Tahun (Bermula 1 Januari 2013)**

# PENYELARASAN PENCEN

(Seksyen 3, Akta 238) (Akta Penyelarasan Pencen 1980)

# FAEDAH LAIN DALAM KEADAAN TERTENTU:

1. PENCEN HILANG UPAYA
2. PENCEN TANGGUNGAN
3. PENCEN TERBITAN
4. GANJARAN TERBITAN

# PENCEN HILANG UPAYA



Sebagai tambahan kepada pencen perkhidmatan, pencen hilang  upaya boleh diberi kepada pegawai yang dikehendaki bersara akibat  daripada :

**Menanggung bencana semasa melaksanakan tugas rasmi atau kemalangan dalam perjalanan**

**Mendapat penyakit  kerana jenis tugasnya itu menyebabkan dirinya terdedah**

**Dengan syarat bencana/penyakit itu  bukan berpunca dari  kecuaian atau salahlaku pegawai itu**

# PENCEN HILANG UPAYA

Kadar pencen hilang upaya yang boleh dibayar adalah mengikut darjah kecacatan seperti berikut



| Darjah Kecacatan | Kadar (sebahagian daripada gaji akhir) |
|---|---|
| Tercacat sedikit | 1/8 |
| Tercacat | 1/4 |
| Tercacat pada Matan | 3/8 |
| Musnah sama sekali | 1/2 |

# KAD PESARA

Dikeluarkan oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA kepada pesara/penerima pencen sebagai ganti Surat Jaminan (GL):

i. **Dokumen pengenalan pesara yang amat penting kerana terdapat keistimewaan tersendiri ( bekas anggota kerajaan) peganti Surat Jaminan (GL) penjawat awam;**

ii. **Ubat Percuma, Caj Hospital dan Wad di Hospital Kerajaan yang dikenakan – minima bersamaan gaji akhir pesara (kelayakan wad); dan**

iii. **Boleh digunakan sebagai Diskaun Kad – dipasaraya atau kedai-kedai yang tertakluk atas penetapan oleh KPDNKK.**






# KEMUDAHAN PERUBATAN

**KEPADA PESARA AWAM PERSEKUTUAN YANG BERPENCEN**




UBAT



PERALATAN PERUBATAN



RAWATAN BUAH PINGGANG




RAWATAN KEPAKARAN




RAWATAN KECEMASAN




RAWATAN LUAR NEGERI



RAWATAN DI INSTITUT JANTUNG NEGARA (IJNSB)

RAWATAN KEMANDULAN



| SUAMI / ISTERI | ANAK | IBU / BAPA |
|---|---|---|
| Hilang kelayakan sekiranya berkahwin | • Sehingga umur 18 tahun /21 tahun (sekiranya masih belajar)<br>• Anak cacat (seumur hidup) | • Mulai 01.01.2018<br>• Perubatan, dialisis dan sakit jantung sahaja |

Rujukan:
Surat Edaran Garis Panduan Kemudahan Perubatan Untuk Ibu Bapa Yang Sah Kepada Pesara Awam Persekutuan Yang Berpencen bertarikh 22 Disember 2017

# Rayu bawa pulang bapa sakit di Sydney

## Keluarga pesara kerajaan kena serangan jantung mohon bantuan

Berita Harian 4 Sep 2016 +4 more Oleh Haryani Ngah

Keluarga pesara kerajaan, Jaffar Saion, 57, yang mengalami serangan jantung ketika bercuti di Sydney, Australia memohon bantuan bagi membawa pulang ayah mereka untuk mendapatkan rawatan dalam negara.

**Fakta nombor**

Menurut anak Jaffar, Zulfahmi, bapanya mengalami serangan jantung Selasa lalu ketika mereka bercuti bersama ibu dan neneknya.

"Kami mengambil pakej percutian dari 25 hingga 31 Ogos. Bagaimanapun sehari sebelum pulang, ayah mendapat serangan jantung yang menyebabkan mulut, tangan dan kaki di sebelah kiri tidak dapat berfungsi.

### Masih tak sedarkan diri

"Sekarang ini ayah masih tidak sedarkan diri dan dirawat di unit rawatan rapi Hospital Prince Of Wales dan dijaga oleh emak, manakala saya dan nenek sudah pulang ke Malaysia.

"Dianggarkan kos rawatan dan tambang untuk membawa pulang Jaffar ke Malaysia adalah

******Kerajaan tidak akan membiayai sebarang kos perubatan bagi pegawai/ pesara yang bercuti ke luar negeri atas urusan persendirian…..**





# FAEDAH-FAEDAH TERBITAN

# JENIS-JENIS FAEDAH TERBITAN

**1. GANJARAN**

(Sekaligus)

Seksyen 4(1) Akta 227 Atau Akta 239

**2. PENCEN TERBITAN**

(Bulanan)

Seksyen 4(1) Akta 227

Atau Akta 239

**3. GANTIAN CUTI REHAT**

(sekaligus)

Seksyen 4(2) Akta 227

Atau Akta 239

**4. PENCEN TANGGUNGAN**

(bulanan)

Seksyen 18, Akta 227/Seksyen 20, Akta 239)

**5. EX-GRATIA TERBITAN**

(sekaligus)

Seksyen 4(1) Akta 227

Atau Akta 239

**6. BANTUAN MENGURUS JENAZAH**

(sekaligus)

PP 2/1993, PP 14/1993 & PP 3/2010

# JENIS-JENIS FAEDAH TERBITAN

**PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 2 TAHUN 1993 DAN SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 14 TAHUN 1993**
**PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL 3 TAHUN 2010 ATAU WP 6.4**
**BAYARAN BANTUAN MENGURUS JENAZAH : RM3,000**

Kematian di dalam perkhidmatan: **Diuruskan & dibayar oleh Jabatan**

Kematian selepas persaraan : **Diuruskan & dibayar oleh KWAP**

(Pembayaran ini tidak dipanjangkan kepada penerima pencen terbitan yang meninggal dunia)

# JENIS-JENIS FAEDAH TERBITAN

## Apa itu Ganjaran Terbitan?

" Pemberian faedah yang dibayar sekaligus kepada tanggungan anggota yang meninggal dunia di dalam perkhidmatan atau wakil yang sah di sisi undang-undang"

## Formula

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 7.5% | X | Jumlah Genap Bulan Perkhidmatan Yang Boleh Dimasukira | X | Gaji Akhir |

# JENIS-JENIS FAEDAH TERBITAN

## GANJARAN TERBITAN

### Siapa Yang Layak?

- Balu atau Duda;
- Anak;

} 9/10 (kadar penuh jika ibu bapa meninggal)

- Ibu atau Bapa Tanggungan (1/10)

**Jika ketiadaan penerima-penerima di atas, GT boleh diberi kepada wakil yang sah di sisi undang-undang

# JENIS-JENIS FAEDAH TERBITAN

## GANJARAN TERBITAN

Orang Tanggungan yang layak menerima Ganjaran Terbitan bagi pegawai bujang ialah Ibu atau Bapa Tanggungan

Jika jumlah amaun KWSP iaitu Syer Kerajaan dan Syer Pekerja MELEBIHI jumlah Ganjaran Terbitan, maka waris hendaklah menuntut caruman KWSP (tiada Ganjaran Terbitan dibayar)

# JENIS-JENIS FAEDAH TERBITAN

## PENCEN TERBITAN

### Apa itu Pencen Terbitan???

"Pencen BULANAN yang terbit disebabkan oleh kematian anggota/pesara sektor awam, dibayar kepada orang-orang tanggungan anggota/pesara seperti mana yang diperuntukkan oleh Undang-Undang pencen berkenaan."

**Formula**

| 1/600 | X | Jumlah Bulan Perkhidmatan Yang Boleh Dimasukira | X | Gaji Akhir |
|---|---|---|---|---|

# JENIS-JENIS FAEDAH TERBITAN

## PENCEN TERBITAN

**Siapa yang layak terima Pencen Terbitan????**

- **Balu atau Duda; dan**
- **Anak**

# PERATURAN 2,
# PERATURAN-PERATURAN PENCEN 1980

## 2. Tafsiran

## BALU/DUDA:

"balu" atau "duda" ertinya isteri atau suami yang masih hidup kepada seseorang pegawai yang mati yang mana perkahwinannya diiktiraf di Malaysia sebagai suatu perkahwinan yang sah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, agama, adat atau kelaziman.

# TAKRIFAN ANAK

- anak seorang pegawai/pesara yang meninggal;
berumur di bawah 21 tahun; dan
masih belum berkahwin

-Termasuk :

- anak kandung;
- anak yang lahir selepas kematian pegawai;
- anak tiri tanggungan;
- anak tak sah taraf;
- anak angkat;
- anak cacat.

# TAKRIFAN ANAK ANGKAT

Anak yang diambil sebagai anak angkat oleh pegawai:

- di bawah mana-mana UNDANG-UNDANG BERTULIS berhubung dengan pengangkatan tersebut; atau

- di bawah mana-mana ADAT atau KELAZIMAN dengan bukti yang memuaskan mengenai pengangkatan tersebut;

# TAKRIFAN & KELAYAKAN ANAK CACAT

Tidak kira apa jua umurnya;

- cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal
- tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri; dan
- kecacatan sebelum mencapai umur 21 tahun

* Pencen dibayar seumur hidup

**Bagi pegawai yang dilantik sebelum 16.5.1986, syarat anak menerima kecacatan sebelum umur 21 tahun itu tidak terpakai)

# PENCEN TERBITAN AKAN TAMAT JIKA:

| | |
|---|---|
| ANAK BERKAHWIN ATAU MENCAPAI UMUR 21 TAHUN MANA YANG TERDAHULU | ANAK BELAJAR DI PUSAT PENDIDIKAN TINGGI (MENUJU IJAZAH PERTAMA) APABILA TAMAT BELAJAR ATAU BERKAHWIN |

Seksyen 16 Akta 227 & Seksyen 17 Akta 239




# FORMULA PENGIRAAN & PEMBAHAGIAN SYER PENCEN TERBITAN

# FORMULA PENGIRAAN & PEMBAHAGIAN SYER PENCEN TERBITAN



**BALU/DUDA = 2 SYER**



**ANAK = 1 SYER**

# FORMULA PENGIRAAN & PEMBAHAGIAN SYER PENCEN TERBITAN



# FORMULA PENGIRAAN & PEMBAHAGIAN SYER PENCEN TERBITAN

**Contoh Pengiraan:**

**Amaun Pencen sebanyak RM1000.00**

**Jumlah Syer Keseluruhan : 9 syir**



# FORMULA PENGIRAAN & PEMBAHAGIAN SYER PENCEN TERBITAN

| 4/9 X RM1000.00 = **RM444.44** | 5/9 X RM1000.00 = **RM555.56** |
|---|---|
| 1: 2/9 X RM1000.00 = RM222.22 | 2: 2/9 X RM1000.00 = RM222.22 |
| 1/9 X RM1000.00 = RM111.11 | 1/9 X RM1000.00 = RM111.11 |
| 1/9 X RM1000.00 = RM111.11 | 1/9 X RM1000.00 = RM111.11 |
| | 1/9 X RM1000.00 = RM111.11 |

# PERKAHWINAN DI DALAM PERKHIDMATAN



# PENCEN TERBITAN KEKAL 100%

- Berkahwin semasa dalam perkhidmatan



# PERKAHWINAN DI DALAM PERSARAAN





## CONTOH 1:


Bersara Jun 1995
Kahwin Disember 1995
Kematian Januari 1998
Jun 2015
Tanggungan (balu dan anak) akan menerima pencen terbitan untuk baki tempoh 20 tahun
Pencen terbitan dihentikan

## CONTOH 2:

Bersara Jun 1980

Kahwin Januari 1982

Jun 2000

Kematian Januari 2002

**Tempoh 20 tahun selepas bersara**

**Tanggungan tidak layak mendapat pencen terbitan kerana tempoh 20 tahun telah luput**

# KAEDAH PEMBAYARAN PENCEN

| SKIM A | SKIM B | PERTUKARAN KAEDAH BAYARAN DARI SKIM B KE SKIM A |
|---|---|---|
| • Pencen akan **dikreditkan terus ke dalam bank** setiap bulan.<br>• Untuk pesara yang **mempunyai pasangan yang dikahwini sebelum penswastaan serta masih hidup.**<br>• Akaun bank perseorangan **(akaun simpanan /akaun semasa).** | • Pesara / penerima pencen perlu **pergi sendiri ke bank setiap bulan** & tandatangan borang tuntutan pencen.Jika tidak dituntut selama 6 bulan,pencen akan dihentikan.<br>• Untuk **pesara bujang, duda/ balu**, atau mempunyai pasangan yang dikahwini selepas penswastaan.<br>• Untuk penerima pencen terbitan / tanggungan<br>• Akaun bank perseorangan **(akaun simpanan/akaun semasa)** | • Perlu melantik seorang wakil<br>**<u>Tanggungjawab wakil:</u>**<br>• Memaklumkan apabila pesara / penerima pencen meninggal dunia atau hilang kelayakan pencen<br>• Membayar semula pencen terlebih bayar<br>**<u>Syarat untuk menjadi wakil Skim A</u>**<br>• Umur 21 tahun dan ke atas<br>• Warganegara Malaysia<br>• Bermastautin di Malaysia |

# Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kali ke 21 (12 September 1988)

"Bersetuju : Bahawa Ganjaran Terbitan dan Pencen Terbitan tidak termasuk sebagai harta pusaka, maka faedahnya tidak tertakluk kepada pembahagian harta pusaka."

# GANTIAN CUTI REHAT

KERAJAAN MALAYSIA

---

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 18 TAHUN 2008

---

PENINGKATAN MAKSIMUM CUTI REHAT DAN CUTI REHAT KHAS
YANG BOLEH DIKUMPUL UNTUK PEMBERIAN WANG TUNAI
SEBAGAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR) KEPADA 150 HARI

# FORMULA PERKIRAAN GCR

**1/30 X Cuti Rehat dikumpul X Gaji Akhir + Imbuhan Tetap**

(Tertakluk kepada maksimum 150 hari)

**CONTOH:**

**Cuti rehat yang dikumpul = 120 hari**

**Gaji akhir + Imbuhan Tetap = RM 3,814.14**

**Award Wang Tunai = 1/30 x 120 x RM3,814.14**
**= RM 15,256.56**

**(Kaedah Pengumpulan GCR ialah Berdasarkan PP Bil. 18/2008)**

# PENCEN TANGGUNGAN

Seksyen 18 Akta Pencen 1980 (Akta 227)

Sebagai tambahan kepada pencen terbitan dan ganjaran terbitan kepada orang tanggungan seseorang pegawai, pencen tanggungan boleh dipetimbangkan jika mengikut ketetapan syarat-syarat berikut:

(a) Pegawai itu meninggal dunia dalam hal keadaan seperti berikut:

i. Kemalangan dalam perjalanan; atau
ii. Mendapat bencana semasa melaksanakan tugas rasminya; atau
iii. Mendapat penyakit kerana menjalankan tugasnya.

b) Kematian itu berlaku dalam tempoh tujuh tahun dari tarikh dia menanggung bencana atau mendapat peyakit itu

Dengan syarat bencana yang menimpa kemalangan yang berlaku, atau penyakit yang dihidapi tidak berpunca daripada kecuaian atau salah laku anggota itu Dan tidak menjadi semakin teruk oleh kerana kecuaian atau salah lakunya.

# PENCEN TANGGUNGAN

Seksyen 18 Akta Pencen 1980 (Akta 227)

**Pencen tanggungan diberi kepada;**

i. Balu;

ii. Duda dalam tanggungan iaitu duda yang mengalami cacat otak atau hilang upaya menanggung diri sendiri;

iii. Anak, terhad kepada enam orang sahaja dikira dari yang tertua sekali; dan

iv. Ibu atau bapa (jika ibu telah meninggal dunia) yang bergantung sepenuhnya atau sebahagian besar nafkah kepada gemulah



"Pencen tanggungan yang diberikan kepada balu akan terhenti apabila balu tersebut berkahwin semula"
(Peraturan 19(3)Peraturan-Peraturan Pencen 1980)

KERAJAAN MALAYSIA

---

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 17 TAHUN 2008

---

PEMBERIAN *EX-GRATIA* TERBITAN SEKALIGUS
KEPADA IBU ATAU BAPA ANGGOTA BERPENCEN YANG
MENINGGAL DUNIA SEMASA DALAM PERKHIDMATAN TANPA
MENINGGALKAN BALU/DUDA ATAU ANAK

## 6. Ex-Gratia Terbitan

Bayaran sekaligus kepada ibu, atau sekiranya ibu telah meninggal dunia, bapa kepada anggota berpencen yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan **tanpa meninggalkan balu/duda atau anak**.

Pemberian ini adalah sebagai **tambahan** kepada ganjaran terbitan atau caruman syer Kerajaan/majikan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau mana-mana kumpulan wang simpanan berserta faedah yang terakru.

# FORMULA PERKIRAAN EX-GRATIA

1. **EX GRATIA TERBITAN – Secara Sekaligus**

i) Tempoh Perkhidmatan Sebenar
Dari tarikh lantikan hingga tarikh kematian

**7.5% x TPS x Gaji Akhir**

ii) Tempoh Perkhidmatan Isyarat
Dari tarikh lantikan hingga tarikh pilihan persaraan

**7.5% x TPI x Gaji Akhir**

**Cth: Perkiraan Ex-Gratia**

Jumlah GT Semasa

7.5% x 204 bulan x RM 7,781.58
= RM 119,058.17

Jumlah GT Isyarat
7.5% x 423 bulan x RM 7,781.58 = RM246,870.62

Jumlah Ex-Gratia Terbitan (GT Isyarat – GT Semasa)

RM246,870.62 - RM 119,058.17
EX-G= **RM 127,812.45**

# EX GRATIA KEMATIAN SEKALIGUS



# EX GRATIA KEMATIAN SEKALIGUS

## JUMLAH PEMBERIAN *EX-GRATIA* KEPADA WARIS

| Tempoh Perkhidmatan (Bulan) | Pembayaran Ex-Gratia (RM) |
|---|---|
| ≤ 60 | 150,000 |
| 61 - 120 | 100,000 |
| 121 - 180 | 75,000 |
| 181 - 240 | 50,000 |
| ≥241 | TIADA |

## WARIS YANG LAYAK

1 Balu / Duda yang Layak

2 Anak

3 Ibu/Bapa yang Layak



mengikut pembahagian

- **9/10 syer (90%)** dibayar kepada balu/duda dan anak-anak bawah 21 tahun
- **1/10 syer (10%)** akan dibayar kepada ibu, jika ibu telah meninggal, kepada bapa

## CARA PERMOHONAN

bagi Penjawat Awam yang memilih :-



### SKIM PENCEN

Permohonan dikemukakan oleh Jabatan akhir anggota, diproses bersekali dengan permohonan faedah persaraan terbitan

### SKIM KWSP/ ANGGOTA YANG BELUM DISAHKAN JAWATAN

Permohonan perlu dikemukakan oleh Ketua Jabatan kepada Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA

(**Tatacara permohonan dan borang** berkaitan diperincikan dalam **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2019.**)

**Muat turun**

Pekeliling dan Soalan Lazim di https://www.jpa.gov.my/pengumuman/1106-pekeliling-perkhidmatan-bilangan-11-tahun-2019

atau

**Imbas QR Code**

Pertanyaan lanjut:-

mypesara@kwap.gov.my

03-8887 8777

www.jpa.gov.my | Jabatan **Perkhidmatan Awam** | Jabatan **Perkhidmatan Awam** | **@jpa**gov | **@jpa**2day

INFOGRAFIK **UKK,JPA**



1 Portal JPA Pencen

2 apps.jpapencen.gov.my/

3 Aplikasi MyPesara

4 Facebook Bahagian Pasca Perkhidmatan

**http://www.jpapencen.gov.my/**

Pelbagai makluman/borang/anggaran pengiraan kepada bakal pesara/ pesara/penerima pencen






**https://apps.jpapencen.gov.my/**

Pelbagai semakan status berkenaan permohonan pencen yang memerlukan no.kad pengenalan / no fail pencen






# Aplikasi MyPesara

Aplikasi yang membolehkan pesara menyemak maklumat peribadi, perkhidmatan dan penyata tahunan pencen secara ringkas dan mudah yang boleh dimuat turun menerusi Apple Store atau Google Play

# bahagian.pasca.perkhidmatan

Dapatkan hebahan terkini berkenaan isu-isu viral dengan pantas dan salurkan pertanyaan/aduan/ pendapat



*penutup*

# SKIM PENCEN SEKTOR AWAM SEKARANG ADALAH YANG TERBAIK

- ***Non-contributory*** **di pihak pekerja**
- **Bersifat skim pencen keluarga**
- **Terdapat penyelarasan & kenaikan pencen tahunan**
- **Terdapat kemudahan perubatan**






Puan Sariah Amirin, 75 tahun telah dinobatkan sebagai Pemenang Anugerah Ikon Pesara 2019 (AIP) pada 5 Oktober 2019. Beliau memenangi anugerah di bawah kategori Pendidikan berdasarkan pencapaian dan sumbangan beliau kepada individu-individu yang mengidap masalah pembelajaran iaitu disleksia. Beliau merupakan Pengasas dan Presiden Persatuan Dyslexia Malaysia.

# SEKIAN,
# TERIMA KASIH

# SOALAN LAZIM



**Soalan 1:**

Kedudukan Balu/Duda Yang Berkahwin Semula?

Jawapan:

**Pencen terbitan: tetap layak  (Berkuatkuasa 01.01.2002)**
**Pencen Tanggungan : Balu tidak layak**

**Soalan 2:**

Adakah Skim KWSP (swasta atau Kerajaan) pun boleh dapat pencen?

**Jawapan:**

**Betul. Sekiranya pekerja yang memilih Skim KWSP terlibat di dalam kemalangan atau bencana semasa menjalankan tugas dan akibatnya hilang upaya kekal, maka dia layak tuntut pencen ‘ilat (hilang upaya) dari PERKESO (swasta) atau MOF (Kerajaan)**

**Soalan 3:**

Betul ke letak jawatan pun layak pencen?

**Jawapan:**

**Jika letak jawatan atau dibuang kerja, tiada sebarang faedah persaraan diberikan**

**Soalan 4:**

Betul ke ada pesara yang terima pencen penuh iaitu kadar pencen sama dengan gaji terakhirnya?

**Jawapan:**

**Tidak benar. Semua penjawat awam gred 1-KSN, formula perkiraan faedah persaraan adalah sama**

**Soalan 5:**

Adakah seseorang individu boleh dapat satu pencen sahaja?

**Jawapan:**

**Tidak benar. Ada 8 kategori skim pencen seperti penjawat awam, Hakim, Setiausaha Politik, Ahli Parlimen dan lain-lain. Seseorang individu boleh menikmati lebih dari satu pencen dalam masa yang sama**

**Soalan 6:**

Saya pernah membuat tuntutan kemudahan perubatan ke atas diri saya, pasangan, anak-anak dan ibu bapa semasa sedang berkhidmat. Adakah segala tuntutan tersebut akan ditolak semasa perkiraan ganjaran persaraan saya kelak?

**JAWAPAN:**

**Tiada sebarang amaun daripada ganjaran persaraan ditolak ke atas segala tuntutan atau perbelanjaan yang pernah dituntut oleh penjawat awam semasa sedang berkhidmat**

## Soalan 7:

Bolehkan pencen dituntut oleh orang lain selain daripada pesara/penerima pencen?

## JAWAPAN:

- **Boleh, dengan melantik seorang wakil diri (untuk skim B sahaja).**
- **Pesara/penerima pencen tersebut mestilah seorang yang uzur dan dibuktikan melalui surat pengesahan oleh sama ada Pegawai Perubatan Kerajaan atau doktor swasta, atau Pegawai Kebajikan Masyarakat atau Pegawai Daerah.**
- **Pesara/penerima pencen perlu memohon kepada Bahagian Pencen JPA untuk pelantikan wakil diri tersebut melalui Borang (JPA.BP.SKP.B07) Pelantikan wakil diri adalah sah untuk tempoh setahun dan boleh diperbaharui jika masih diperlukan.**

**Soalan 8:**

Adakah anak cacat yang berkahwin masih layak untuk menerima pencen terbitan?

**JAWAPAN:**

**Layak kerana mengikut peruntukan Seksyen 16(b) Akta Pencen 1980, anak cacat adalah terkecuali daripada syarat hendaklah terhenti pencen terbitan apabila berkahwin.**

**Soalan 9:**

Adakah perkahwinan yang dilakukan di luar negara, yang tidak didaftarkan boleh diberi pengiktirafan bagi maksud Akta Pencen 1980?

**JAWAPAN:**

**Ya. Perkahwinan yang berlaku di luar negara jika ada bukti-bukti yang cukup dan sah di sîsl undang-undang Islam, walaupun tidak didaftarkan di Malaysia perkahwinan tesebut adalah sah dan boleh diberi pengiktirafan bagi maksud Akta Pencen 1980.**

Sambungan

**Pendaftaran Perkahwinan hanyalah untuk memenuhi keperluan Undang-Undang Pentadbiran Islam sahaja dan kegagalan mendaftar hanyalah satu kesalahan di bawah Enakmen Undang-Undang Negeri tetapi perkahwinan tetap sah.**